


INOVASI PERKHIDMATAN



GIS (*Geografi Information System*) adalah satu sistem komputer yang direka untuk merakam, menyimpan, memanipulasi, menganalisis, mengurus dan membentangkan semua jenis data spatial atau geografi untuk memaparkan maklumat. Sistem VENOM dibangunkan untuk membantu pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bagi memetakan maklumat geospasial ladang ternakan dalam bentuk perkhidmatan secara langsung di lapangan dengan cepat dan tepat di mana ia meliputi maklumat penternakan bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ia juga membolehkan pengguna untuk membuat pertanyaan interaktif (carian dibuat pengguna), menganalisis maklumat spatial, mengedit data dalam peta dan memaparkan semua operasi penternakan.



EN. ABDUL MUIS MAT PIAH



PN. HJH. ZALINA ISMAIL



Faedah Inovasi

1. Memudahkan proses mengemaskini data dan maklumat di lapangan dan pejabat.
2. Maklumat berpusat (*One stop center*) sebagai rujukan agensi kerajaan yang memerlukan maklumat data industri unggas.
3. Menyediakan data dan maklumat yang boleh diakses terus oleh pegawai di mana-mana mereka berada dengan data terkini.
4. Memudahkan pegawai membuat pemantauan ladang dengan adanya maklumat lokasi yang tepat dan ini menjimatkan masa dan kos perjalanan.
5. Memudahkan perancangan kawalan penyakit sekiranya berlaku wabak melalui sistem ini untuk mendapatkan maklumat lokasi ladang, jarak ladang dari perumahan/ ladang lain, infrastruktur lain, populasi ternakan, pemilik ladang dan bilangan kandang/ reban yang terlibat.
6. Menyediakan panduan bagi jawatankuasa pelulus pengambilan pekerja asing dengan adanya maklumat kapasiti ladang.
7. Menyediakan data dan maklumat dalam merancang pembangunan industri ternakan dan seterusnya memberi impak kepada ekonomi negara.
8. Memudahkan dalam merancang keperluan pemakanan atau sumber protein rakyat melalui data dan maklumat yang dikumpul.

PN. HJH. ZALINA BINTI ISMAIL / EN. ABDUL MUIS BIN MAT PIAH

Seksyen Unggas, Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan

Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya

Pn. Zalina: 03-88702454/ 019-2275836/ zalina1805@yahoo.com

En. Muis: 03-88702466/ 014-7186762/ ammp_13@yahoo.com.my

